

E-TUNAI RAKYAT PROGRAMME TERMS AND CONDITIONS

1. Eligibility criteria

- The programme is open to all Malaysian citizens aged at least eighteen (18) years old as at 31.12.2020.
- To be eligible for this programme, applicants will need to provide proof of identity using a valid Malaysian NRIC, based on the records of JPN.
- Applicants whose annual income was RM100,000 or more for the year 2018 are not eligible for this programme, based on the income the respective applicant have submitted in the Applicant's latest tax filing for 2018.

2. Programme incentive:

- The eligible applicant will receive a one-off RM30 disbursement once the claim has been approved and it shall be credited in the applicant's e-wallet within five (5) days. However, there may be delays in disbursement during periods of high claim submissions.
- The incentive can only be claimed by eligible applicants once, from 15 January until the 8 March 2020.
- The incentive is awarded on a first-come-first-serve basis, while funds are available.
- Once redeemed, the incentive must be utilised by 14 March 2020 and any unused incentive will be removed from the applicant's e-wallet balance.
- All incentives received are restricted from performing transactions such as peer-to-peer transfers, cash-out and remittance. All incentives must be utilised in Malaysia and shall be used for goods and services provided in Malaysia.
- All incentives received shall not be utilised for any illegal activity.

3. Personal Data Protection

By applying for this Programme, the data privacy notice [Participant] ("**we**") that have been provided to you, will apply. In addition to the data privacy notice, you agree and consent to us, our affiliated companies, the Government of Malaysia and its nominees, the relevant government departments and/or agencies collecting, storing, using, processing and disclosing your Personal Data (which includes, but is not limited to, your name, NRIC, address, mobile phone number, and, where requested, bank account details, bank statements and transaction information) as follows to:

- Provide and disclose your Personal Data to us, service providers (which may be located outside Malaysia), the Government of Malaysia and its nominees, government departments and/or agencies to validate and process the eligibility of your application to this programme.
- Validate the claim of the incentive with other participating e-wallets in the event of a dispute.
- Process any complaints you may have against us for this programme.
- Deliver any notice or communications to you through third party service providers in connection to this programme.
- Collect data (including transaction information) on the products or services you have spent your incentive on.
- Enable your Personal Data to a relevant third party service providers for the purposes to give full effect to the programme.
- Provide and disclose your Personal Data (which may include your transaction information) to the Government of Malaysia and its nominees, government departments and/or agencies to determine the success of the programme.

Note that you will not be able to participate in this programme if you do not agree and consent to the collection, storage, usage, processing and disclosure of your Personal Data. We will store your Personal Data in accordance with the data processing principles (including the Security Principle) contained in the Personal Data Protection Act 2010.

TERMA DAN SYARAT PROGRAM E-TUNAI RAKYAT

1. Kriteria kelayakan:

- Program ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia berusia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada 31.12.2020.
- Untuk melayakkan diri menyertai program ini, pemohon perlu mengemukakan bukti pengenalan diri menggunakan Kad Pengenalan Malaysia yang sah, berdasarkan kepada rekod JPN.
- Pemohon yang mempunyai pendapatan tahunan RM100,000 atau lebih bagi tahun 2018 adalah tidak layak untuk menyertai program ini, berdasarkan kepada pendapatan pemohon semasa pemohon fail cukai pendapatan tahun 2018.

2. Insentif program:

- Pemohon yang layak akan menerima pembayaran RM30 secara 'one-off' apabila tuntutan telah diluluskan dan ia akan dikreditkan ke dalam e-Wallet pemohon dalam tempoh lima (5) hari. Walau bagaimanapun, kelewatan pembayaran mungkin berlaku semasa waktu puncak penyerahan tuntutan.
- Insentif ini hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh pemohon yang layak, mulai 15 Januari hingga 8 Mac 2020.
- Insentif ini akan diberikan kepada pemohon yang terawal atau secara 'first-come-first-serve', sementara dana masih ada.
- Setelah ditebus, insentif ini mesti digunakan sebelum atau pada 14 Mac 2020 dan sebarang jumlah insentif yang tidak digunakan akan ditolak daripada baki e-Wallet pemohon.
- Semua insentif yang diterima adalah dihalang dan tidak boleh digunakan untuk transaksi seperti pemindahan dari satu akaun e-Wallet ke akaun e-Wallet yang lain, pengeluaran tunai dan kiriman wang. Semua insentif mestilah digunakan di Malaysia dan digunakan untuk barangan serta perkhidmatan yang disediakan di Malaysia.
- Semua insentif yang diterima tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti haram.

3. Perlindungan Data Peribadi

Dengan memohon untuk menyertai Program ini, notis privasi data [Peserta] ("**kami**") yang telah disediakan untuk anda kini diguna pakai. Sebagai tambahan kepada notis privasi data berkenaan, anda bersetuju dan membenarkan kami, syarikat yang berkaitan dengan kami, Kerajaan Malaysia dan penamanya, jabatan kerajaan dan/atau agensi kerajaan untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses dan mendedahkan Data Peribadi anda (yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama anda, Nombor Kad Pengenalan, alamat, nombor telefon mudah alih, dan, sekiranya diminta, butiran akaun bank, penyata bank dan maklumat transaksi) untuk tujuan seperti berikut:

- Memberikan dan mendedahkan Data Peribadi anda kepada kami, penyedia perkhidmatan (yang mungkin berada di luar Malaysia), Kerajaan Malaysia dan penamanya, jabatan kerajaan dan/atau agensi untuk pengesahan dan proses kelayakan permohonan anda bagi program ini.
- Pengesahan tuntutan insentif dengan penyedia perkhidmatan e-dompet lain yang mengambil bahagian jika berlakunya pertikaian.
- Memproses sebarang aduan yang mungkin anda kemukakan terhadap kami untuk program ini.
- Menghantar sebarang notis atau berkomunikasi dengan anda menerusi penyedia perkhidmatan pihak ketiga berkaitan dengan program ini.
- Mengumpul data (termasuk maklumat transaksi) mengenai produk atau perkhidmatan yang dibelanjakan oleh anda menggunakan insentif ini.
- Membolehkan Data Peribadi anda digunakan oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga bagi memastikan keberkesanan program ini.
- Memberikan dan mendedahkan Data Peribadi anda (yang mungkin termasuk maklumat transaksi anda) kepada Kerajaan Malaysia dan penamanya, jabatan kerajaan dan/atau agensi bagi menentukan kejayaan program ini.

Harap maklum bahawa anda tidak boleh menyertai program ini jika anda tidak bersetuju dan tidak membenarkan kami mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses dan mendedahkan Data Peribadi anda. Kami akan menyimpan Data Peribadi anda selaras dengan prinsip pemprosesan data (termasuk Prinsip Keselamatan) sebagaimana yang terkandung dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.